

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]

TARIKH : 15 Mac 2017

**SOALAN : Datuk Wee Jeck Seng minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
menyatakan:-**

apakah usaha Kementerian dalam melaksanakan penyemakan semula Akta Perikanan 1985 bagi memastikan keperluan marin dipelihara dengan melarang penangkapan ikan yu bagi siripnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Perikanan (Pengawalan Spesies Ikan Yang Terancam) 1999 di mana larangan memancing, mengganggu, mengusik, menangkap, membunuh, mengambil, memiliki, menjual, membeli, mengesport atau mengangkut spesies ikan yang terancam yang disenaraikan di dalam Jadual (Peraturan 2). Di dalam jadual berkenaan, ikan yu adalah salah satu spesies yang telah disenaraikan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, berkuatkuasa 25 Februari 2014, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah memasukkan **“larangan aktiviti penyiripan sirip ikan yu iaitu pemotongan atau pemilikan sirip ikan yu di atas vesel penangkapan ikan tempatan dan badan ikan yu dibuang ke laut”** sebagai syarat tambahan lesen dan peralatan menangkap ikan kepada nelayan. Nelayan yang didapati terlibat melakukan aktiviti penyiripan sirip ikan yu adalah melakukan suatu kesalahan di bawah **Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985** iaitu melanggar syarat lesen yang mana mereka boleh dikompaun atau didenda sehingga RM20,000.

Selain dari itu, Jabatan Perikanan juga sedang menyemak dan bercadang untuk menyenaraikan enam (6) lagi spesies ikan yu di dalam Jadual berkenaan.